KANIAPPA SELVARAJOO lwn. TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
SAMSUDIN HASSAN H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-73-10-2013]
24 APRIL 2014

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Remedi-remedi – Habeas corpus – Cabaran terhadap perintah tahanan – Dakwaan ketidakpatuhan prosedur – Sama ada pendengaran representasi oleh Lembaga Penasihat sah – Sama ada pelantikan Pengerusi Lembaga Penasihat mematuhi per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan – Sama ada dakwaan ketidakpatuhan prosedur dipatahkan – Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, s. 6(1)*

Pemohon ditahan selama dua tahun di bawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 di Pusat Pemulihan Akhlak melalui satu perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri. Pemohon mencabar perintah tahanan tersebut atas alasan bahawa ia tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan dan sepatutnya dibatalkan. Pemohon telah membangkitkan tiga isu ketidakpatuhan prosedur, antara lain, ketidakpatuhan kepada per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan'). Pemohon menghujahkan bahawa pendengaran representasi yang dijalankan oleh Lembaga Penasihat adalah tidak sah kerana responden-responden gagal membuktikan bahawa Pengerusi Lembaga Penasihat, Puan Soo Ai Lin ('Puan Soo Ai Lin') adalah seorang yang berkelayakan di bawah per. 151(2) Perlembagaan.

Diputuskan (membenarkan permohonan pemohon):

(1) Afidavit pihak responden-responden hanya menzahirkan bahawa Puan Soo Ai Lin telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Ia gagal menunjukkan bahawa Puan Soo Ai Lin menjadi atau pernah menjadi atau yang layak menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, atau yang pernah menjadi seorang Hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah per. 151(2). Peruntukan per. 151(2) Perlembagaan, khususnya, perkataan 'dan' selepas ungkapan '... dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ...' membawa maksud bahawa kedua-dua syarat tersebut perlu ada pada Pengerusi yang dilantik mendengar representasi pemohon. Oleh itu, pendengaran representasi yang dipengerusikan oleh Puan Soo Ai Lin adalah tidak sah dan menyebabkan perintah tahanan tersebut tidak sah dan terbatal. (perenggan 8 & 10)

(2) Dakwaan pemohon, bahawa Pengerusi dan Ahli Lembaga Penasihat adalah tidak berkelayakan dan tidak sah dilantik, tidak boleh dikatakan bersifat umum semata-mata. Pemohon dengan jelas telah menyatakan bahawa Pengerusi Lembaga Penasihat yang mendengar representasinya

A tidak mempunyai kuasa kerana ia melanggar peruntukan per. 151 Perlembagaan. Penzahiran tersebut adalah satu 'positive assertion, which is not inherently incredible or inherently impossible' dan oleh kerana responden-responden tidak menafikannya dalam mana-mana afidavit sokongannya, dakwaan pemohon diterima 'as standing
B unrebutted'. (perenggan 13 & 18)

(3) Walau bagaimanapun, pemohon tidak mempunyai asas atau merit untuk menegakkan terdapatnya 'procedural non-compliance' kepada k. 5 dan k. 3 Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987. (perenggan 22)

C **Kes-kes yang dirujuk:**

Logeswaran Rethinam & Anor lwn. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & 2 Yang Lain [2008] 1 LNS 869 HC ***(dibezakan)***

Nagaraja Ponusamy v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2010] 4 CLJ 133 FC ***(dirujuk)***

D **Perundangan yang dirujuk:**

Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, s. 6(1)

Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) (Advisory Board Procedure) Rules 1987, rr. 3, 5

Federal Constitution, art. 151(2)

E *Bagi pihak pemohon - Suresh Thanabalasingam; T/n Suresh Thanabalasingam*

Bagi pihak responden - Azman Arief (Siti Ruvena bersamanya); Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh S Barathi

F

PENGHAKIMAN

Samsudin Hassan H:

[1] Pemohon ("P") memfailkan Sijil Perakuan Segera, notis usul dan afidavit sokongan pada 9 Oktober 2013.

G

[2] Responden-responden ("R") pula telah memfailkan tiga belas (13) afidavit-afidavit jawapan pada 25 November 2013. Berikutnya pada 13 Disember 2013 "R" mengemukakan (2) lagi afidavit jawapan dan afidavit tambahan masing-masingnya.

H **[3]** Dalam kes ini "P" telah ditahan di bawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas (LLPK)) 1985 melalui satu perintah tahanan ("PT") yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri bertarikh 5 September 2013 di Pusat Pemulihan Akhlak ("PPA") di Muar, Johor selama dua (2) tahun mulai dari 5 September 2013.

I **[4]** "P" mencabar "PT" tersebut kerana menurut beliau "PT" berkenaan adalah tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan dan sepatutnya telah membatalkan perintah tersebut. Oleh kerana itu "P" berhak untuk

dibebaskan daripada terus ditahan di "PPA", Muar, Johor. Peguambela "P" telah menimbulkan tiga (3) isu ketidakpatuhan prosedur dan dalam hal tersebut dapatan mahkamah mengenainya adalah seperti berikut:

Isu Pertama

Ketidakpatuhan Kepada per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan

[5] "P" berhujah bahawa pendengaran representasi yang dijalankan oleh Lembaga Penasihat pada 2 Disember 2013 di Pusat Pemulihan Akhlak, Muar, Johor, adalah tidak sah kerana pihak "R" gagal membuktikan bahawa Pengerusi Lembaga Penasihat Puan Soo Ai Lin merupakan seorang yang berkelayakan di bawah per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan.

[6] Perkara 151(2) Perlembagaan Persekutuan dirujuk dan ianya memperuntukkan seperti di bawah berikut:

> (2) Sesuatu lembaga penasihat yang ditubuhkan bagi maksud perkara ini hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan yang menjadi atau pernah menjadi atau yang layak menjadi, Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi atau yang pernah menjadi seorang Hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia, dan dua orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

[7] Berhubung perkara ini "R" merujuk kepada perenggan 11 afidavit Raja Hasyimah binti Raja Bongsu yang mendeposkan bahawa Puan Soo Ai Lin telah dilantik secara sah oleh Yang di-Pertuan Agong mengikut per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan.

[8] Namun begitu mahkamah dapati perenggan 11 dan 12 afidavit Raja Hasyimah binti Raja Bongsu hanya menzahirkan yang Puan Soo Ai Lin telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong sahaja tetapi malangnya beliau gagal menunjukkan bahawa Puan Soo Ai Lin juga menjadi atau pernah menjadi atau yang layak menjadi, Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, atau yang pernah menjadi seorang Hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia yang diperuntukkan di bawah per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan dipatuhi.

[9] Berikutnya "R" menjawab lagi melalui afidavit Raja Hasyimah binti Raja Bongsu yang diikrarkan pada 11 Disember 2013 menzahirkan berikut:

> … Saya sesungguhnya menegaskan bahawa pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga yang bersidang dan mendengar representasi Permohon pada tarikh tersebut adalah berkelayakan dan sah di sisi undang-undang …

[10] Mahkamah merumuskan mana mungkin pelantikan Pengerusi yang bersidang dan mendengar representasi pemohon pada tarikh tersebut dikatakan berkelayakan dan sah di sisi undang-undang sekiranya salah satu syarat di dalam per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan amat jelas tidak

dipatuhi. Kalau diamati peruntukan per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan khususnya perkataan yang digunakan selepas ungkapan … "dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong …" ialah 'dan' bermaksud kedua-dua syarat itu perlu ada pada Pengerusi yang dilantik mendengar representasi pemohon.

[11] "R" juga menghujahkan dakwaan "P" bahawa Pengerusi dan Ahli Lembaga Penasihat adalah tidak berkelayakan dan tidak sah dilantik sepertimana dizahirkan pemohon di perenggan 28(n) afidavit sokongannya yang diikrarkan pada 3 Oktober 2013 hanyalah bersifat umum semata-mata dan bukanlah bersifat khusus.

[12] Mahkamah merujuk perenggan 28(n) afidavit sokongan pemohon seperti di bawah berikut:

> 28. Saya juga menyatakan bahawa tangkapan saya serta penahanan selanjutnya dan berterusan di Pusat Pemulihan berkenaan adalah tidak sah di sisi undang-undang dan tidak teratur di atas alasan-alasan berikut:
>
> (n) Pelanggaran pada hak asasi saya yang terjamin di bawah Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan dan Lembaga Penasihat yang mendengar atau akan mendengar representasi saya adalah bukan badan yang sah di sisi undang-undang dan Pengerusi serta ahli lembaga tidak mempunyai kuasa untuk mendengar representasi saya pada masa berkenaan.

[13] Mana mungkin penzahiran "P" di atas dikatakan bersifat umum semata-mata dan bukan bersifat khusus kerana "P" dengan jelas telah mengatakan Pengerusi Lembaga Penasihat yang mendengar representasinya tidak mempunyai kuasa disebabkan ianya melanggar peruntukan per. 151 Perlembagaan Persekutuan yang sebelum ini mahkamah telah rungkaikan mengandungi dua (2) syarat iaitu Pengerusi berkenaan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan keduanya beliau menjadi atau pernah menjadi atau yang layak menjadi, Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi atau yang pernah menjadi seorang Hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia.

[14] Penzahiran di atas sudah terang lagi bersuluh dan tidak perlu diperkatakan dengan ayat yang lebih jelas lagi dan dalam keadaan sedemikian adalah menjadi beban "R" untuk mendeposkan keadaan sebenarnya status Pengerusi Lembaga Penasihat iaitu Puan Soo Ai Lin tentang kelayakan beliau menjadi atau pernah menjadi atau yang layak menjadi, Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi atau yang pernah menjadi seorang Hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia.

[15] Mahkamah amati tidak ada satu pun afidavit jawapan "R" yang ada menjelaskan atau menjawab kedudukan sebenar status Pengerusi Lembaga Penasihat tersebut. Jadi dalam keadaan begitu mana mungkin dikatakan

beban pembuktian yang diletakkan di atas bahu "R" telah pun beralih kepada "P" untuk membuktikan sebaliknya. Itu adalah satu pernyataan prosedur beban pembuktian yang salah dalam konteks kes ini.

[16] Kes *Logeswaran Rethinam & Anor lwn. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & 2 Yang Lain* [2008] 1 LNS 869 diputuskan oleh Mahkamah Tinggi dalam Rayuan Jenayah No: 44-63-2007 adalah berbeza faktanya kerana kalau dirujuk di ms. 8 kes tersebut dakwaan perlantikan Pengerusi Lembaga Penasihat yang bersidang dizahirkan tidak secara khusus ianya melanggar peruntukan per. 151 Perlembagaan Persekutuan macam dalam kes yang dibicarakan di mahkamah ini. Oleh itu mahkamah memutuskan prinsip yang diputuskan dalam kes *Logeswaran Rethinam (supra)* kurang tepat untuk digunapakai dalam kes kita ini.

[17] Berhubung isu yang sama maka mahkamah ini ingin merujuk kepada keputusan kes *Nagaraja Ponusamy v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 4 CLJ 133 yang dipetik seperti berikut:

> The answer to this question is well settled by a legion of authorities we find unnecessary to cite. It is this. Where the deponent to an affidavit makes a positive assertion, which is not inherently incredible or inherently improbable, and his opponent in his affidavit does not credibly deny that allegation, a court should accept the former assertion as standing unrebutted.

[18] Berasaskan prinsip di atas maka mahkamah merumuskan penzahiran "P" bahawa perlantikan Pengerusi Lembaga Penasihat telah melanggar peruntukan per. 151 Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan satu "positive assertion, which is not inherently incredible or inherently impossible."dan oleh kerana "R" tidak menafikannya dalam mana-mana afidavit sokongannya maka mahkamah menerimalah dakwaan "P" tersebut "as standing unrebutted."

[19] Mahkamah hanya ingin mengetahui kedudukan sebenar perintah tahanan semasa ke atas "P" sama ada terdapatnya ketidakpatuhan prosedur dan tidak kiralah pertikaian mengenainya dibuat semasa pendengaran representasi di hadapan Lembaga Penasihat ataupun di mahkamah ini. Salah tetap salah. Tambahan lagi kes seperti ini melibatkan penahanan "P" tanpa melalui proses perbicaraan penuh maka perlulah pihak "R" mempastikan kepatuhan prosedur yang tepat.

[20] Oleh yang demikian mahkamah ini memutuskan pendengaran representasi yang dipengerusikan oleh Puan Soo Ai Lin adalah tidak sah kerana beliau tidak memenuhi keperluan kedua di bawah peruntukan per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan.

[21] Ketidakpatuhan prosedur ini sahaja pun telah secara langsung memberi kesan kepada perintah tahanan keatas "P" itu sendiri dan menyebabkannya tidak sah dan terbatal dan seterusnya mewajarkan permohonan "P" dibenarkan dan wajar diikuti satu perintah *"Habeas Corpus"* dikeluarkan dengan kadar segera.

A **[22]** Namun begitu mahkamah ini juga ingin menyentuh sedikit mengenai dua (2) lagi isu yang ditampilkan oleh "P" di sini dan setelah mengkaji, meneliti serta menghalusi penghujahan kedua-dua pihak yang disokong oleh afidavit-afidavit jawapan masing-masingnya maka mahkamah memutuskan "P" tidak mempunyai asas atau merit untuk menegakkan terdapatnya
B "procedural non-compliance" kepada k. 5 Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 iaitu Isu Kedua dan kepada k. 3 Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 iaitu Isu Ketiga sepertimana yang telah dinyatakan dan diperjelaskan oleh "R" dalam
C penghujahan bertulisnya yang difailkan di mahkamah ini pada 2 Januari 2014.

Keputusan

[23] Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini oleh kerana "R" gagal menjawab ketidakpatuhan prosedur yang diperuntukkan di bawah per. 151
D (2) Perlembagaan Persekutuan berkait Isu Pertama yang dideposkan oleh "P" dalam perenggan 28(n) afidavit sokongannya maka alasan itu sahaja pun sudah mencukupi membuatkan perintah tahanan berkenaan tidak sah dan terbatal.

E Dengan itu mahkamah ini memutuskan permohonan "P" adalah dibenarkan.

F

G

H

I